

## **PENGUATKUASAAN LARANGAN BERKEMPEN PADA HARI MENGUNDI (SEKSYEN 26(1) AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954)**

Seksyen 26(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya berhubung larangan berkempen pada Hari Mengundi telah diluluskan Parlimen pada tahun 2003, iaitu mengandungi peruntukan-peruntukan seperti yang berikut :

(1) Tiada seorang pun boleh pada hari mengundi-

(a) mengadakan, memanggil atau mengaturkan mana-mana tempat apa-apa bentuk perjumpaan, perhimpunan, pertunjukan atau hiburan atau memberikan apa-apa bentuk ucapan atau syarahan sama ada atau tidak perjumpaan, perhimpunan, pertunjukan, hiburan, ucapan atau syarahan itu terbuka kepada atau melibatkan orang ramai atau selainnya;

(b) memberikan atau membekalkan apa-apa alat muzik atau pembesar suara kepada mana-mana orang dengan tujuan supaya alat muzik atau pembesar suara itu digunakan oleh mana-mana orang dengan apa-apa cara atau digunakan di dalam atau di atas apa-apa vesel, binatang, motokar, trak atau kenderaan lain sebagai, atau bagi maksud, diayah politik atau menggunakannya sendiri atau menggunakan di dalam atau di atas apa-apa vesel, binatang, motokar, trak atau kenderaan lain mana-mana alat muzik atau pembesar suara itu;

(c) membuka atau menubuhkan atau menyenggarakan suatu pejabat atau barung di dalam bahagian pilihan raya yang baginya calon itu bertanding bagi apa-apa maksud yang berkaitan dengan sesuatu pilihan raya selain pejabat yang dibuka atau ditubuhkan atau disenggarakan menurut subseksyen 24B(2) atau bilik jawatankuasa yang disewa menurut perenggan 14(1)(b);

(d) menggunakan mana-mana rumah kediaman rumah kedai, pondok, dewan atau mana-mana premis lain sebagai pejabat atau pusat mana-mana parti-parti politik di dalam bahagian pilihan raya itu;

(e) dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi –

(i) cuba menentukan identiti mana-mana orang yang memasuki tempat mengundi;

(ii) menyemak dalam mana-mana senarai nama mana-mana orang yang memasuki atau meninggalkan sesuatu tempat mengundi;

(iii) merayu-rayu atau memujuk atau cuba memujuk mana-mana orang supaya tidak mengundi dalam pilihan raya itu, atau supaya mengundi atau tidak mengundi mana-mana calon dalam pilihan raya itu;

(iv) menunggu atau berdiri-diri kecuali bagi maksud atau membolehkannya masuk ke tempat mengundi untuk membuang undinya tetapi tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menghalang pegawai yang hak atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh pegawai hak itu daripada menjalankan tugasnya berhubung dengan penjalanan sesuatu pilihan raya;

(f) bagi pihak-pihak mana-mana calon, merayu undi pemilih di dalam mana-mana bahagian pilihan raya bagi menyokong atau menentang mana-mana calon atau parti-parti politik dalam sesuatu pilihan raya dengan apa-apa cara jua termasuk melawat pemilih itu di rumah atau tempat kerja mereka atau menemu ramah orang ramai; atau

(g) dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi dan dalam tempat mengundi, memakai, memegang atau membawa apa-apa bentuk atau jenis pakaian,

tutup kepala, barang hiasan, roset, botol air atau payung yang padanya tercetak atau tertera nama calon atau nama, lambang atau simbol mana-mana parti politik.

### **Sabit Kesalahan**

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgi atau dipenjara atau kedua-duanya.

(3) Sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) ialah kesalahan boleh tangkap mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah.

Dengan kelulusan peruntukan Seksyen 26(1) maka peruntukan terdahulu iaitu Seksyen 26B yang membenarkan pelantikan 'Perayu Undi' oleh parti-parti politik dimansuhkan. Dengan pemansuhan tersebut semua aktiviti merayu undi adalah dilarang dan menjadi kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Sebelum PRU Ke-11 tahun 2004, SPR telah memberi penerangan yang menyeluruh di seluruh negara kepada semua parti politik berhubung perundangan tersebut dan telah menjelaskan secara terperinci batas-batas larangan yang berkaitan. Aspek yang diberi fokus ialah tentang

larangan mendirikan Pondok Parti atau 'Pondok Panas' di luar Pusat Mengundi serta larangan berkumpul untuk Meraih Undi atau 'Merayu Undi' di pusat-pusat mengundi pada Hari Mengundi. Secara keseluruhannya, semua parti politik memahaminya dan telah memberi persetujuan masing-masing.

## **Keputusan dan Tindakan**

Penguatkuasaan ini amat perlu dilaksanakan atas sebab-sebab berikut:

- (i) Undang-undang berkenaan telah sedia ada tetapi tidak dipatuhi, oleh parti-parti politik, calon-calon dan para penyokong parti-parti yang bertanding.- Perkara ini merupakan satu' mockery of the law' yang memalukan SPR dan negara.
- (ii) Situasi politik sekarang telah banyak berubah dan masalah pengurusan pilihan raya telah menjadi lebih rumit dan mencabar. Baik pun pada Hari Penamaan Calon atau Hari Pengundian, parti-parti politik yang bertanding telah membawa para penyokong yang ramai sehingga puluhan ribu untuk menunjuk kekuatan masing-masing. Keadaan di pusat-pusat tersebut menjadi amat tegang dan merbahaya kepada keselamatan perjalanan proses penamaan calon ataupun proses pengundian. Keselamatan pengundi dan ketenteraman awam juga terganggu. Contoh-contoh seperti yang

berlaku di Permatang Pauh, Ijok, Bukit Gantang dan Bukit Selambau perlu dilihat secara serius bagi memastikan masalah – masalah yang berlaku di situ tidak berulang.

- (iii) Penguatkuasaan Seksyen 26 (1) ini adalah untuk kepentingan kelancaran proses pengundian dan untuk kebaikan rakyat selaku pengundi. Pada hari mengundi, rakyat tidak harus dibebankan dengan masalah kesesakan lalu lintas dan menyulitkan kehidupan mereka; kesesakan di pusat-pusat mengundi serta menyusahkan rakyat untuk keluar menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.
  
- (iv) Penubuhan Pondok Parti (Pondok Panas) telah diharamkan di bawah undang-undang kerana di sini merupakan pusat berlakunya 'tensions' dan segala bentuk ketegangan dan kesesakan pada hari mengundi. Para Penyokong parti-parti yang bertanding telah melakukan pelbagai perbuatan dan tingkah laku yang menyalahi Akta Kesalahan Pilihan Raya seperti berkempen-meraih undi; mengganggu pengundi; mempamer pernyataan / slogan berkempen; mengedar bendera parti, risalah; mengeluarkan kata-kata kesat yang menyinggung perasaan; dan lain-lain perlakuan-perlakuan yang boleh mencetus pergaduhan dan sebagainya.
  
- (v) Kalau dahulu Pondok Parti dianggap keperluan untuk Calon/Parti membantu pengundi menyemak nama dan saluran dalam Daftar

Pemilih di tempat Mengundi, tetapi tugas dan perkhidmatan itu sekarang telah disediakan SPR di Barung SPR di dalam kawasan Pusat Mengundi. Kerani Penyemak Daftar Pemilih (KPDP) yang dilantik SPR ada menyediakan perkhidmatan tersebut dengan sistem komputer yang efisien dan tepat. Dengan penguatkuasaan larangan penggunaan pondok parti, SPR akan menambah jumlah kaunter KPDP di Barung SPR bagi memastikan perkhidmatan semakan nama dan saluran tempat mengundi mencukupi dan lancar. Selain itu, para pengundi juga boleh membuat semakan awal sama ada melalui telefon, sms atau laman web SPR.

- (vi) Semakan nama yang disediakan oleh parti di Pondok Panas tidak tepat dan mengelirukan kerana kadang kala petugas-petugas parti di situ menggunakan Daftar Pemilih yang tidak sama dengan Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang digunakan oleh petugas-petugas SPR di Barung SPR atau di Tempat Mengundi. Dengan pengharaman pondok panas, masalah ini dapat diatasi.
- (vii) Tempoh Berkempen secara rasmi telah ditetapkan di bawah undang-undang iaitu dari waktu selesai pengisytiharan pencalonan oleh PP pada Hari Penamaan calon sehingga tamat jam 12 malam sebelum Hari Pengundian. Dari jam 12.01 hingga 5.00 petang pada Hari Mengundi adalah suatu 'Tempoh Bertenang' (Cooling-off period). Calon/Parti/para Penyokong adalah dilarang

menjalankan aktiviti kempen dalam tempoh tersebut. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah larangan itu tidak dipatuhi di mana semua parti didapati berkempen sesuka hati dalam pelbagai cara dan kaedah seperti berkonvoi dengan mengibar bendera parti;menayangkan CD kempen melalui TV di tempat-tempat awam; dan yang paling serius ialah mereka berkempen semasa 'Tempoh Pengundian' iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Polis dan Pasukan Penguat kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) menghadapi kesukaran menguatkuasakan larangan-larangan tersebut kerana ia berlaku secara spontan dan menyeluruh oleh semua parti di semua pusat mengundi dalam Bahagian Pilihan Raya. Oleh yang demikian, tiba masanya sekarang Tempoh Rasmi Berkempen yang tamat pada jam 12.00 tengah malam itu perlu dipatuhi oleh semua parti/calon/para penyokong yang terlibat. Apa jua bentuk kempen semasa Tempoh Pengundian berjalan ( 8 pagi hingga 5 petang) pada hari mengundi dilarang sama sekali.

- (viii) Zon larangan 50 meter diwujudkan di setiap Pusat Mengundi dan ketetapan garisan larangan 50 meter ini ditentukan SPR (PP atau Polis) mengikut lokasi dan keadaan di pusat mengundi. Anggota polis telah ditugaskan untuk mengawal garis-kawasan zon tersebut. Hanya Pengundi, petugas-petugas SPR, Polis dan orang-orang tertentu sahaja yang dibenarkan berada di dalam kawasan itu. Apa-apa bentuk logo parti/symbol adalah dilarang sama sekali

di bawa masuk ke dalam kawasan tersebut. Dengan penguatkuasaan ini, semua pihak/parti/calon adalah dilarang mendirikan pondok parti di luar zon 50 meter itu seperti yang dilakukan sebelum ini.

SPR menyedari bahawa langkah menguatkuasakan larangan berkempen pada hari mengundi adalah satu perkara yang rumit dan sukar dilaksanakan jika parti-parti politik tidak bersedia untuk memberi kerjasama yang sepatutnya. Apa pun, undang-undang telah sedia ada bagi SPR untuk menguatkuasakannya demi untuk kebaikan rakyat dan kelancaran perjalanan proses pengundian dan perjalanan pilihan raya. Penguatkuasaan Larangan ini di N.12 di Penanti merupakan permulaannya (pilot project) dan ini akan menentukan kesinambungan penguatkuasaan yang berterusan dalam pilihan-pilihan raya akan datang. Semoga langkah ini akan dapat mewujudkan suatu 'Budaya Pilihan Raya yang baru' yang lebih aman, berhemah dan berdisiplin di kalangan parti-parti politik dan rakyat di negara ini.

**-Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**